

29/12/2003

Peralihan kepemimpinan detik paling bersejarah

Mohd Fuad Razali

TAHUN 2003 menyaksikan beberapa perubahan dalam struktur kepemimpinan negara, parti politik, agensi kerajaan dan swasta berikutan pengunduran penjawatnya sama ada kerana bersara wajib, meletak jawatan atau tamat tempoh perkhidmatan.

Peristiwa paling bersejarah tahun ini sudah tentu proses peralihan pucuk pimpinan negara apabila Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melepaskan jawatan sebagai Perdana Menteri pada 31 Oktober lalu dan menyerahkannya kepada penggantinya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Peralihan itu disambut dengan pelbagai perasaan di kalangan rakyat. Sedih mengenangkan negara kehilangan seorang yang terbukti kewibawaannya sepanjang 22 tahun memegang jawatan berkenaan. Lega dan gembira kerana peralihan kuasa itu berlaku secara teratur dan tenang.

Sebelum itu, dunia politik tanah air sepanjang 2003 turut menyaksikan pucuk pimpinan MCA berikutan keputusan Presidennya, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik serta timbalannya, Datuk Lim Ah Lek untuk berundur sebagai jalan keluar kepada krisis dalaman parti berkenaan pada Mei.

Berikutan itu, dua Naib Presidennya, Datuk Seri Ong Ka Ting dilantik oleh Jawatankuasa Pusat MCA sebagai Presiden baru parti itu, manakala Datuk Chan Kong Choy pula sebagai timbalannya. Ini adalah kali pertama presiden dan timbalan presiden meletak jawatan serentak dalam sejarah 53 tahun parti komponen kedua terbesar dalam Barisan Nasional (BN) itu.

Rombakan itu membawa kepada rombakan Kabinet apabila Chan yang sebelumnya menjawat Timbalan Menteri Kewangan dilantik sebagai Menteri Pengangkutan menggantikan Dr Ling dan beberapa pertukaran jawatan lain.

Sementara itu, perubahan turut berlaku dalam beberapa agensi kerajaan berikutan persaraan wajib kakitangannya. Ini termasuk persaraan Ketua Polis Negara, Tan Sri Norian Mai yang digantikan timbalannya, Datuk Seri Mohd Bakri Omar.

Dalam Angkatan Tentera Malaysia pula, Timbalan Panglima Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM), Laksamana Madya Datuk Mohd Anwar Mohd Nor dilantik sebagai Panglima TLDM menggantikan Laksamana Datuk Mohd Ramly Abu Bakar yang bersara tahun ini. Panglima 1 Divisyen, Lt Jen Datuk Pahlawan Mohamad Azumi Mohamed, dilantik sebagai Panglima Tentera Darat yang baru.

Di institusi kehakiman, tempat Ketua Hakim Negara, Tun Mohamed Dzaiddin Abdullah yang bersara wajib pada 15 Mac lalu pula diisi oleh Presiden Mahkamah Rayuan, Tan Sri Ahmad Fairuz Sheikh Abdul Halim.

Selain itu, 2003 turut menyaksikan beberapa tokoh tempatan meninggal dunia. Antaranya Pengerusi Tetap Umno, Tun Sulaiman Ninam Shah; Sultanah Kedah, Tuanku Bahiyah Tuanku Abdul Rahman; Bekas Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Tan Sri Abdul Samad Idris; Bekas Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Harun Idris; Pengerusi Institut Penyelidikan Sosiologi Malaysia, Datuk Dr Alijah Gordon, serta Presiden dan Naib Canselor Universiti Terbuka Malaysia, Tan Sri Dr Abdullah Sanusi Ahmad. Mereka adalah antara yang banyak menyumbangkan jasa kepada agama, negara dan masyarakat sepanjang hayat. Moga-moga Allah mencucuri rahmat ke atas roh mereka. Amin!